



**KERJA-KERJA PEMBAIKAN DERMAGA
KARGO PUKAL KERING 1 (DRY BULK TERMINAL 1)
KELANG MULTI TERMINAL, PELABUHAN BARAT**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 7 Ogos 2003.

Adalah dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula dermaga akan dijalankan di "Dermaga Kargo Pukal Kering No.1 (Dry Bulk Terminal 1)", Kelang Multi Terminal, di Pulau Indah mulai pada 8 Ogos 2003. Kerja-kerja yang memakan masa selama tempoh kira-kira 11 minggu itu, dijangka akan tamat pada 26 Oktober 2003. Lokasi projek adalah seperti dalam gambarajah di Lampiran A.

2. Butiran lanjut projek ini adalah seperti berikut:-

- (i) Lokasi kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula yang terlibat:
DBT No.1, Grid No.132 - 143, Berukuran 80.0m panjang x 25.0m lebar.
- (ii) Vesel-vesel yang akan digunakan:
 - a) MEB B12 (Work Steel Barge) - LOA: 61 Meter.
 - b) MEB TUG2 (Steel Tug Boat) - LOA: 19 Meter.

3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah menjauhinya dengan memberikan kelegaan yang munasabah kepada kawasan projek dan vesel-vesel yang terlibat dalam projek itu.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran)
 - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
 - (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Bahagian Kawalselia)